



P E K E L I L I N G

AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 5 Tahun 2020

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SEMESTER PENDEK DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai pelaksanaan Semester Pendek.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Senat ke-238 pada 8 Ogos 2018 telah meluluskan pelaksanaan Semester Pendek bagi program akademik di dalam pelan pengajian pelajar dan mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke 215 pada 7 Mei 2019 mengenai kadar yuran Semester Pendek bagi pelajar sepenuh masa.
3. Mesyuarat Senat ke-243 pada 18 Januari 2019 juga telah meluluskan untuk menggunakan penamaan Sesi III sebagai semester pada sesi pengajian pada Semester Pendek bermula Sesi III 2019/2020 iaitu pada Julai – Ogos 2020.
4. Mesyuarat Senat ke-247 pada 5 Julai 2019 telah meluluskan takrifan Semester Pendek adalah satu (1) semester pengajian pendek yang diadakan antara dua (2) semester yang telah didaftarkan di dalam struktur pelan pengajian pelajar mengikut kelulusan program akademik.
5. Semester Pendek dilaksanakan semasa cuti semester iaitu di antara bulan Julai hingga Ogos selama lima (5) minggu kuliah dan satu (1) minggu peperiksaan atau penilaian akhir di mana dilaksanakan serentak dengan Semester Intersesi.

TUJUAN PEKELILING

6. Pekeliling ini adalah bertujuan bagi memaklumkan mengenai garis panduan mengenai pelaksanaan Semester Pendek terutama untuk pentadbir akademik di PTJ yang terlibat.
7. Garis Panduan ini boleh dicapai di laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Akademik di <http://hea.uitm.edu.my> di menu Downloads > Forms & Manuals.
8. Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti/ Pusat Akademik/UiTM Cawangan/PTJ masing-masing.

PEKELILING BERKAITAN


9. Tarikh dan Tempoh bagi Semester Pendek/Sesi III adalah dirujuk pada mana-mana Pekeliling Akademik yang berkaitan dengan Kalendar Akademik UiTM pada sesuatu sesi akademik.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling dikeluarkan pada 17 Februari 2020.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 Februari 2020.



PROF. TS. DR. HJ. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-HEA(6/4)
Kategori Pekeliling : Garis Panduan

LAMPIRAN A

PELAKSANAAN SEMESTER PENDEK (SESI III)

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini menjelaskan proses pengurusan pelaksanaan Semester Pendek di UiTM.

2.0 PUNCA KELULUSAN/KUASA

Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009 – 2017), MQA

Minit Mesyuarat Senat ke-238 pada 8 Ogos 2018

Minit Mesyuarat Senat ke-243 pada 18 Januari 2019

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke 215 pada 7 Mei 2019

Minit Mesyuarat Senat ke-247 pada 5 Julai 2019

3.0 SKOP

Prosedur pelaksanaan Semester Pendek (Sesi III) merangkumi proses berikut:

- 3.1 Takrifan
- 3.2 Dasar Kurikulum Program Akademik Dari MQA
- 3.3 Kelulusan Penawaran Semester Pendek Dalam Struktur Pelan Pengajian Pelajar
- 3.4 Penawaran
- 3.5 Kursus yang ditawarkan
- 3.6 Pendaftaran Kursus
- 3.7 Yuran Pengajian
- 3.8 Peperiksaan /Penilaian Berterusan
- 3.9 Status Akademik Pelajar
- 3.10 Pensyarah
- 3.11 Yuran Pengajian dan Honorium

4.0 JAWATANKUASA/KEANGGOTAAN/PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

JKF : Jawatankuasa Kecil Kurikulum

JAN : Jawatankuasa Akademik Negeri

JAF : Jawatankuasa Akademik Fakulti

JKIKU : Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti

5.0 DEFINISI/TAFSIRAN/TERMA

| | |
|--------|---|
| RMP | Rayuan Meneruskan Pengajian |
| AR (A) | : Penolong Pendaftar (Akademik) di Fakulti/Kampus |
| KPP | : Ketua Pusat Pengajian |
| UHEK | : Unit Hal Ehwal Kurikulum |
| BHEA | : Bahagian Hal Ehwal Kurikulum |
| MQA | : <i>Malaysia Qualifications Agency</i> |

6.0 KETERANGAN/AKTIVITI

6.1 Takrifan

- 6.1.1 Semester Pendek ialah satu (1) semester pengajian pendek yang diadakan antara dua (2) semester yang telah didaftarkan di dalam pelan pengajian pelajar mengikut kelulusan sesuatu program akademik.
- 6.1.2 Semester Pendek menggunakan terma Sesi III dalam semester pengajian pelajar.

6.2 Dasar Kurikulum Program Akademik Dari MQA

- 6.2.1 Setiap struktur pengajian bagi sesuatu program akademik perlu memenuhi penetapan dari Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009 – 2017), MQA di mana:
 - a. Satu (1) tahun pengajian program akademik perlu mengandungi tidak lebih dari 43 minggu perkuliahan.
 - b. Bilangan semester bagi satu (1) tahun pengajian adalah tidak boleh lebih dari 3 semester.
 - c. Jumlah jam kredit maksimum pelajar bagi satu (1) tahun pengajian adalah maksimum 50 jam kredit.
 - d. Jumlah jam kredit bagi setiap semester pengajian adalah maksimum 20 jam kredit.
- 6.2.2 Bagi pelaksanaan struktur pengajian di UiTM ianya dilaksanakan mengikut kesesuaian dan ketetapan dari Buku Peraturan Akademik, kelulusan Senat terkini dan juga Kalender Akademik UiTM yang mana ianya memenuhi dasar ini.

6.3 Kelulusan Penawaran Semester Pendek Dalam Struktur Pelan Pengajian Pelajar

- 6.3.1 Setiap struktur pelan pengajian pelajar yang menawarkan Semester Pendek perlu mendapat kelulusan di peringkat JAF/JAN, JKIKU, Senat dan JPT sebelum ditawarkan kepada pelajar mengikut prosedur sedia ada.
- 6.3.2 Semester Pendek ditawarkan adalah bagi tujuan berikut:
 - a. Memenuhi dasar pada Perkara 6.2.1.
 - b. Mempercepatkan tempoh pengajian pelajar.
 - c. Mengurangkan beban jumlah jam kredit yang tinggi dalam sesuatu semester pengajian.
- 6.3.3 Sebarang isu dan persoalan mengenai semakan kurikulum yang ingin menawarkan semester pendek dalam struktur pelan pengajian pelajar boleh berhubung dengan UHEK di BHEA.

6.4 Penawaran Semester Pendek

- 6.4.1 Semester Pendek perlu didaftarkan terlebih dahulu dalam struktur pelan pengajian pelajar bagi sesuatu program akademik yang ditawarkan kepada mereka.
- 6.4.2 Pelajar hanya boleh mendaftar pada Semester Pendek jika struktur pelan pengajian program akademik mereka mempunyai semester pendek.
- 6.4.3 Minggu perkuliahan dan minggu peperiksaan dilaksanakan serentak dengan Semester Intersesi.
- 6.4.4 Minggu perkuliahan dilaksanakan semasa cuti semester iaitu di antara bulan Julai hingga Ogos selama lima (5) minggu kuliah dan satu (1) minggu peperiksaan.
- 6.4.5 Minggu perkuliahan hanya dibenarkan kepada pelajar mod pengajian Sepenuh Masa dan Sepenuh Masa Berlanjut (SML) sahaja.

6.5 Kursus yang ditawarkan

- 6.5.1 Fakulti/Kampus disarankan untuk mendaftar kursus yang bukan teras program dan tiada peperiksaan akhir semasa membangunkan program akademik.
- 6.5.2 Jumlah kursus yang didaftarkan digalakkan tidak melebihi tiga (3) kursus atau jumlah jam kredit adalah di antara enam (6) sehingga sembilan (9) kredit.
- 6.5.3 Kursus yang didaftarkan adalah mengikut pelan ketetapan pengajian pelajar.
- 6.5.4 Fakulti/Kampus dan KPP perlu memastikan kursus yang ditawarkan dalam Semester Pendek dapat memenuhi hasilian pembelajaran dengan tempoh yang lebih pendek dari semester perdana walaupun memenuhi jam temu yang ditetapkan.

6.6 Pendaftaran Kursus

- 6.6.1 Pelajar hanya boleh mendaftar kursus adalah kepada pelajar yang mempunyai Semester Pendek dalam struktur pelan pengajian program akademik mereka sahaja.
- 6.6.2 Pendaftaran kursus bagi Semester Pendek akan dibuka pada semester perdana di mana tarikh dan tempoh akan ditetapkan di dalam Jadual Pengurusan Akademik (JAPA) untuk Sesi II untuk rujukan Fakulti/Kampus. Pada kebiasaannya, tarikh dan tempoh akan bersamaan dengan pendaftaran kursus pada Semester Intersesi.
- 6.6.3 Bahagian semester pengajian pelajar untuk Semester Pendek adalah bersamaan dengan bahagian semester pengajian pelajar pada semester sebelumnya.
- 6.6.4 Sesi perkuliahan pelajar yang mendaftar Semester Pendek boleh digabungkan dengan pelajar yang mendaftar Semester Intersesi bagi kursus yang sama/setara jika dirasakan efektif dari segi kos pengurusan dan pengoperasian akademik oleh Fakulti/Kampus.
- 6.6.5 Fakulti/Kampus dengan bantuan KPP/AR(A) perlu memastikan proses pendaftaran pelajar, perkuliahan dan jadual waktu kuliah berjalan dengan baik dan lancar.

6.7 Yuran Pengajian

- 6.7.1 Tiada bayaran yuran perkhidmatan (bayaran berulang) dikenakan kepada pelajar.
- 6.7.2 Yuran pengajian adalah sebanyak RM200.00 untuk setiap kursus yang didaftarkan (JKP215).
- 6.7.3 Bil yuran pengajian akan dijana selepas pendaftaran kursus Semester Pendek pada semester semasa.

6.8 Peperiksaan /Penilaian Berterusan

- 6.8.1 Peperiksaan akhir pada Semester Pendek (jika ada) adalah menggunakan terma Peperiksaan Sesi III.
- 6.8.2 Tempoh Peperiksaan Sesi III dijanakan serentak dengan Peperiksaan Khas dan Peperiksaan Intersesi.
- 6.8.3 Peperiksaan Sesi III hanya boleh diduduki oleh pelajar yang telah mendaftar dan membayar yuran sahaja.
- 6.8.4 Kertas soalan bagi sesuatu kursus pada Peperiksaan Intersesi/Khas boleh digunakan pada Peperiksaan Sesi III.
- 6.8.5 Pengurusan Peperiksaan Sesi III adalah mengikut prosedur sedia ada pada Semester Intersesi.

6.9 Status Akademik Pelajar

- 6.9.1 Status kursus YY akan diberi kepada pelajar yang telah mendaftar dan membayar yuran untuk mengikuti Semester Pendek tetapi tidak menghadiri kuliah dan/atau peperiksaan tanpa kebenaran bertulis daripada Dekan/Rektor.
- 6.9.2 Pelajar yang sedang mengikuti perkuliahan Semester Pendek dan kemudian diberhentikan kerana gagal peperiksaan semester sebelumnya dibenarkan meneruskan Semester Pendek dengan syarat:
 - a. Pelajar layak mengikut syarat-syarat untuk membuat RMP mengikut ketetapan Peraturan Akademik semasa.
 - b. Pelajar membuat RMP.
- 6.9.3 Sekiranya RMP pelajar tidak diluluskan maka keputusan peperiksaan Semester Pendek yang diperolehi adalah tidak sah.
- 6.9.4 Pelajar yang tidak layak membuat RMP, yuran pengajian Sesi III tidak akan dipulangkan.
- 6.9.5 Status akademik S1 (Tidak Memuaskan) ialah status akademik yang diberi kepada pelajar dalam keputusan peperiksaan akhir apabila mereka mendapat status gagal dan diberhentikan di dalam Semester Pendek.
- 6.9.6 Pelajar boleh meneruskan pengajian pada semester berikutnya walaupun mendapat S1 pada Semester Pendek.
- 6.9.7 Pelajar tidak dibenarkan menduduki, menumpang kelas dan peperiksaan akhir di kampus lain
- 6.9.8 Pelajar yang kini berstatus Cuti Khas (CK) atau Digantung Pengajian (DG) tidak dibenarkan mendaftar Semester Pendek selama dalam tempoh cuti khas atau penggantungannya.

6.10 Pensyarah

- 6.10.1 Seseorang pensyarah hanya dibenarkan mengajar satu (1) kursus sahaja kecuali sekiranya tidak ada pensyarah lain yang layak untuk mengajar kursus berkenaan.
- 6.10.2 Seseorang pensyarah adalah dianggap sebagai bertugas secara rasmi semasa mengendalikan Semester Pendek.
- 6.10.3 Pensyarah yang dilantik dan menerima bayaran honorium akan dikira sebagai K2 di ATP pada kepakaran bidang mereka.
- 6.10.4 Pensyarah yang dilantik tetapi tidak menerima bayaran honorium akan dikira sebagai KS di ATP untuk semester sebelumnya atau semester hadapannya.

6.10.5 Pensyarah yang mengajar kumpulan yang mendaftar bagi Semester Pendek dan Semester Intersesi dalam kumpulan yang sama hanya boleh menerima bayaran honorium sekali sahaja.

6.11 Yuran Pengajian dan Honorium

Kadar di bawah adalah kadar pada kelulusan JKP215 pada 7 Mei 2019 iaitu:

- 6.11.1 Kadar yuran pengajian bagi setiap kursus ialah RM200.00.
- 6.11.2 Kadar bayaran untuk honorarium kepada pensyarah ialah RM50.00 bagi setiap jam mengajar.
- 6.11.3 Kadar bayaran untuk memeriksa setiap skrip jawapan ialah RM6.00.
- 6.11.4 Kadar bayaran untuk perkhidmatan pengurusan ialah RM5.00 bagi seorang pelajar bagi setiap kursus.
- 6.11.5 Kadar bayaran sebagai hasil pengurusan universiti ialah RM5.00 bagi seorang pelajar bagi setiap kursus dan akan dimasukkan ke dalam Tabung Am Universiti.
- 6.11.6 Hasil lebihan akan dimasukkan dalam Tabung Amanah Fakulti/Kampus/Pusat Akademik.

6.12 Tanggungjawab Fakulti/Kampus

- 6.12.1 Fakulti/Kampus perlu memberi penerangan yang jelas mengenai Semester Pendek pada pelajar terutamanya kepada pelajar baharu seawal semasa berada pada bahagian semester pengajian pertama (*Part 1*) lagi.
- 6.12.2 Fakulti/Kampus perlu memberi penerangan kepada pensyarah yang mengajar pada kumpulan ini kerana kemungkinan pelajar yang lemah yang mendaftar Semester Intersesi akan berada dalam kumpulan yang sama dengan pelajar yang mendaftar Semester Pendek agar pensyarah boleh menyesuaikan teknik pengajaran dan pembelajaran mengikut latabelakang pelajar yang berbeza.

7.0 DOKUMEN RUJUKAN

Tiada

8.0 BORANG YANG DIGUNAKAN

Tiada

9.0 CARTA ALIR

Tiada

10.0 LAMPIRAN

Tiada